

18/03/2000

Hubungan baru Pusat, Kelantan

Veena Rusli

JELI, Jumaat - Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) akan menentukan bentuk 'hubungan baru' antara Kerajaan Pusat dengan rakyat Kelantan selepas meneliti laporan dan cadangan yang dikemukakan Jawatankuasa Mengumpul Maklumat membabitkan hubungan kedua-dua pihak terbabit.

Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata laporan dan cadangan yang diketengahkan antara lain bertujuan meningkatkan hubungan sedia ada di samping ingin menyedarkan rakyat Kelantan berhubung fungsi Kerajaan Pusat terhadap agenda membela nasib mereka.

Katanya, tindakan itu dianggap wajar berikutan ada rakyat Kelantan tidak mengetahui atau sengaja enggan mengambil tahu sumbangan Kerajaan Pusat kepada masyarakat setempat.

"Laporan itu sudah saya serahkan kepada Badan Perhubungan Umno Kelantan dan mereka akan mengangkatnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia mungkin memerlukan sedikit penelitian oleh pihak tertentu, khususnya ICU kerana mereka bertanggungjawab dalam menentukan bentuk hubungan itu.

"Kita yakin Kerajaan Pusat akan membuat keputusan sewajarnya terhadap cadangan yang diberi dan selama ini ICU banyak terbabit dalam soal membabitkan projek serta hubungan antara Pusat dan rakyat Kelantan.

"Segala cadangan itu juga sudah saya umumkan secara lisan kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) ketika beliau melawat Rantau Panjang baru-baru ini," katanya pada majlis rumah terbukanya dekat sini, petang ini.

Mustapa yang dilantik sebagai penyelaras jawatankuasa itu berkata, antara aspek yang diberi penekanan ialah pentingnya rakyat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat terhadap segala bantuan dan projek yang dilaksanakan di Kelantan selama ini.

Beliau berkata, kurangnya keberkesanan strategi sebelum ini membuatkan rakyat kurang mengetahui punca sebenar perbelanjaan yang menampung pelbagai projek kemudahan asas di negeri ini.

Justeru, katanya, beberapa kaedah baru dalam bentuk hubungan serta sikap kedua-dua pihak dikemukakan dalam laporan berkenaan dan terpulang kepada Kerajaan Pusat untuk menentukan dasar sewajarnya.

"Dulu perancangan kita kurang teliti dan kita sendiri kurang memberi perhatian terhadap strategi untuk melaksanakan program di Kelantan, sebab itu kesannya tidak seberapa.

"Kini, kita mahu meningkatkan keyakinan rakyat kerana Kerajaan Pusat sudah berusaha sedaya upaya bagi membela kepentingan dan hingga sekarang semua projek masih berjalan seperti biasa ... tiada yang dibekukan," katanya.

Jawatankuasa itu dibentuk pertengahan Januari lalu bagi membuat kajian terperinci selain mendapatkan maklum balas semua pihak berhubung fungsi Kerajaan Pusat dan kaedah pendekatan serta pelaksanaan dasarnya di kalangan rakyat Kelantan.

Keputusan itu dibuat Badan Perhubungan Umno Kelantan yang menganggap usaha mengenal pasti pendirian rakyat Kelantan berhubung 'kewujudan' Kerajaan Pusat perlu dilakukan kerana ia dianggap antara faktor penyumbang kekalahan Barisan Nasional di Kelantan pada pilihan raya umum lalu.

(END)